

## MEMPAKA DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH SIK, KEDAH 2035 (PENGGANTIAN) PERLU DISEDIAKAN?



- 01** Tamat Tempoh Perancangan Rancangan Tempatan Daerah Sik 2007-2020
- 02** Rancangan Tempatan Sebagai Medium Perancangan dan Pengawalan Guna Tanah
- 03** Pengukuhan Urus Tadbir Majlis Daerah Sik
- 04** Pendekatan Konsep Pembangunan Baharu (Low Carbon City, Smart City, Future City dan lain-lain konsep pembangunan)
- 05** Penyelarasan Dasar Peringkat Nasional dan Negeri Sustainable Development Goals (SDGs), Agenda Perbandaran Baru NUA), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN4), Dasar Pembangunan Negara 2 (DPN2), Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPFDN 2030), Rancangan Struktur Negeri Kedah 2035 (RSN Kedah 2035), Pelan Pembangunan Kedah 2035, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Pelan Pembangunan Sik dan lain-lain pelan strategik berkaitan.

## KEPENTINGAN RT MDSIK 2035

Kajian RT MDSik 2035 menggariskan beberapa kepentingan antaranya;

- 01** Membentuk sebuah perancangan dan pembangunan fizikal yang terkawal, berdaya saing dan mesra alam;
- 02** Kepentingan bagi memelihara dan melindungi Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) bagi mengekalkan keseimbangan ekologi dan biodiversiti;
- 03** Mempromosikan aset-aset sumberjaya semula jadi sebagai produk pelancongan yang bernilai tinggi;
- 04** Meningkatkan keupayaan tahap pengurusan lalu lintas dan sistem perhubungan Daerah Sik dengan daerah bersempadan;
- 05** Meningkatkan keupayaan dan kecekapan infrastruktur bagi menampung keperluan penduduk Daerah Sik sehingga tahun 2035;
- 06** Memenuhi keperluan masyarakat Daerah Sik dalam penyediaan kemudahan masyarakat yang mencukupi dan mudah akses; dan
- 07** Meningkatkan keupayaan jentera pentadbiran Majlis Daerah Sik dalam pentadbiran yang efektif dan berdaya laksana.

## LIBATKAN DIRI DALAM PEMBANGUNAN KAWASAN ANDA!

Anda sebagai penduduk tempatan/ pihak awam yang berkepentingan kini diberi peluang untuk melibatkan diri di dalam proses perancangan pembangunan kawasan anda di masa hadapan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta 172. Sekiranya anda mempunyai sebarang cadangan, ulasan atau bantahan terhadap mana-mana kandungan di dalam Laporan Draft Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sik, Kedah 2035 (Penggantian) ini, anda dialukan-alukan untuk menyampaikan melalui borang bantahan Awam yang disediakan dalam tempoh 4 minggu dari tarikh mula program publisiti dan penyertaan awam.

### TATACARA PENGGUNAAN LAPORAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH SIK, KEDAH 2035 (PENGGANTIAN)

- Baca dan semak kandungan Laporan Draft Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sik, Kedah 2035 (Penggantian) yang boleh didapati di lokasi-lokasi pemeriksaan laporan yang telah ditetapkan melalui laman web dan aplikasi.
- Semak cadangan projek-projek pembangunan yang dikemukakan di dalam setiap dimensi/ hala tuju.
- Jika ada perkara yang ingin dipinda/ bantahan/ cadangan/ pandangan, sila isi Borang Bantahan Awam yang boleh didapati di lokasi-lokasi pemeriksaan atau dilawati.

### LOKASI SEMAKAN TETAP

**MAJLIS DAERAH SIK**  
08200 Sik,  
Kedah Darul Aman

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI KEDAH (PLANMalaysia Kedah)**  
Kaunter Bahagian Kawalan Perancangan dan Pembangunan,  
Aras 10, Bangunan Sultan Abdul Halim,  
05400 Alor Setar, Kedah Darul Aman

### SEMAKAN ATAS TALIAN (ONLINE)

**LANAMAN WEB RASMI PLANMalaysia (e-Publisiti 2.0)**  
<http://epublisiti.townplan.gov.my>

**LANAMAN WEB RASMI Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah (PLANMalaysia Kedah)**  
<http://planmalaysiakedah.kedah.gov.my>

**LANAMAN WEB RASMI MAJLIS DAERAH SIK**  
<http://pbt.kedah.gov.my/index.php/majlis-daerah-sik/>

Pandangan, cadangan dan maklum balas juga boleh dikemukakan melalui borang maklum balas dan bantahan awam secara imbasan kod QR atau dikembalikan ke alamat berikut:

**Yang Dipertua**  
Majlis Daerah Sik  
08200 SIK,  
Kedah Darul Aman

ATAU

**Pengarah**  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah (PLANMalaysia Kedah)  
Aras 10, Bangunan Sultan Abdul Halim, Bandar Alor Setar, 05400 Alor Setar, Kedah Darul Aman.



Imbas Untuk Dokumen  
Draf RT MDSik 2035



Imbas Untuk Borang  
Maklum Balas



**PLANMalaysia**  
Perancangan Melangkaui Kelaziman  
Planning: Beyond Conventional

## DRAF RANCANGAN TEMPATAN 20 MAJLIS DAERAH SIK, KEDAH 35

PENGGANTIAN (فَقْتَنِين) ٢٠٣٥ قَدَح ٢٠٣٥

### Program Publisiti dan Penyertaan Awam

Tarikh: 27 September 2023 hingga 27 Oktober 2023

Sik Di Hatiku  
Jom Gi Sik!



*Sik Daerah yang Unggul, Sejahtera, Lestari dan Inklusif*

Daerah Sik Peneraju Pembangunan Pendidikan Ibadah dan Eko Pelancongan Ke Arah Daerah Lestari dan Berdaya Huni Menjelang Tahun 2035

Tonggak 5 MUTHMAINNAH



Tonggak 1 MANUSIA



Teras 1: Persekitaran Hidup yang Kondusif dan Berkualiti

- M1R Reka Bentuk Bandar
- M1D Perumahan & Petempatan Desa
- M1K Kemudahan Masyarakat, Institusi, Kawasan Lapang & Rekreasi

Tonggak 2 MAKMUR



Teras 2: Pembangunan Ekonomi Lestari dan Berdaya Saing

- M2L Pelancongan
- M2A Pertanian, Penternakan & Akuakultur
- M2P Perniagaan & Perindustrian

Tonggak 3 MAMPAN



Teras 3: Perancangan Fizikal yang Seimbang dan Mampan

- M3E Perhutanan, Sumber Asli & Pengurusan Alam Sekitar
- M3U Infrastruktural & Utiliti
- M3T Pengangkutan

Tonggak 4 MUAFAKAT



Teras 4: Urus Tadbir Efektif dan Efisien

- M4G Urus Tadbir
- M4S Sistem Maklumat & Pangkalan Data

JUMLAH PROJEK

36

CADANGAN PROJEK DAN INISIATIF PEMBANGUNAN

- 4 projek HIP
- 9 projek OW
- 23 projek SK

JUMLAH PROJEK

61

CADANGAN PROJEK DAN INISIATIF PEMBANGUNAN

- 5 projek HIP
- 23 projek OW
- 33 projek SK

JUMLAH PROJEK

42

CADANGAN PROJEK DAN INISIATIF PEMBANGUNAN

- 2 projek HIP
- 10 projek OW
- 30 projek SK

JUMLAH PROJEK

4

CADANGAN PROJEK DAN INISIATIF PEMBANGUNAN

- 4 projek SK

143

KESELURUHAN CADANGAN PEMBANGUNAN

11

PROJEK BERIMPAK TINGGI (HIP)

42


PROJEK QUICK WINS (OW)

90

PROJEK SOKONGAN



PELAN KUNCI



2.60% Kawasan Tepu Bina (4,325.90 hektar)

1.39% Perumahan 2,311.79 hektar

0.16% Komersial 261.48 hektar

0.03% Industri 50.42 hektar

0.36% Institusi dan Kemudahan Masyarakat 604.93 hektar

0.03% Infrastruktural & Utiliti 55.88 hektar

0.60% Pengangkutan 999.11 hektar

0.03% Tanah Lapang & Rekreasi 42.29 hektar

97.40% Kawasan Bukan Tepu Bina (162,147.69 hektar)

24.92% Pertanian 41,482.11 hektar

59.86% Kawasan Hutan 116,304.94 hektar

2.62% Badan Air 4,360.64 hektar

Keluasan Keseluruhan 166,473.59 hektar

Sempadan

- Sempadan Antarabangsa
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Blok Perancangan

Pengangkutan

- Trans Eastern Kedah Interland Highway (TEKIH)
- Jalan Utama

Sumber: Kajian RT MDSik 2035